

08 FEBRUARI 2018

Dalang sindiket dadah ditahan

Dalang sindiket dadah ditahan

KUALA LUMPUR - Polis menahan dalang dan enam anggota sindiket dalam operasi di sekitar Lembah Klang, Isnin lalu selepas disyaki terlibat dalam memproses dan mengedar dadah jenis ekstasi.

Timbalan Pengarah (Risikan/Operasi) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Kang Chez Chiang berkata, dalang sindiket itu bersama kekasihnya warga Vietnam dan lima lagi rakan mereka termasuk seorang wanita, ditahan Pasukan Khas Taktikal dan Risikan Narkotik (STING) dalam operasi bermula jam 7.30 sehingga 10.15 malam.

Menurutnya, polis juga menemui makmal yang digunakan untuk memproses dadah di sebuah kondominium di Rawang, dan merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM4.5 juta.

Katanya, sindiket yang dianggotai semua suspek berumur lingkungan 29 hingga 52 tahun itu dipercayai beroperasi lebih

INFO

● Makmal proses dadah di sebuah kondominium di Rawang

● Pelbagai jenis dadah bernilai RM4.5 juta dirampas

enam bulan mengedar dadah tersebut untuk pasaran di dalam negara dan negara jiran.

"Mereka dipercayai menggunakan pelabuhan haram untuk seludup dadah ini bagi pasaran luar negara," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, di sini, semalam.

Beliau berkata, polis turut merampas tiga kenderaan jenis Toyota Camry, Ford Ranger dan Audi Q7, seutas jam tangan, wang tunai RM147,000, mata wang Vietnam Dong 840,000 (RM140), selain pelbagai jenis barang kemas dengan nilai sitaan RM563,000. - *Bernama*



Chez Chiang (dua, kanan) menunjukkan dadah bernilai RM4.5 juta yang dirampas di sebuah makmal memproses dadah di Rawang.